



[Experts](#)

Semut, Oh Semut

3 December 2025

Ada satu makhluk kecil yang kadang-kadang lebih berani daripada manusia, lebih tersusun daripada mana-mana pasukan komando, dan lebih tabah daripada kebanyakan kita, itulah semut. Bila mereka menyerang dapur, mereka datang bukan seekor, tetapi sekampung, siap bawa sepupu-sepapat dari negeri jiran. Rumah yang baharu disapu setengah jam pun boleh kelihatan seperti laluan lebuhraya mini. Dalam hati, kita pun mengeluh: “Ya Allah... takkan aku pula yang kena pindah rumah sebab semut?”

Namun, sebelum kita bertindak seperti general perang yang tidak berperikemanusiaan, Islam mengajar adab yang indah terhadap setiap makhluk, termasuk yang kecil dan comel dan kadang-kadang terlebih rajin ini. Surah al-Naml membuka kisah agung yang membuktikan bahawa semut bukan makhluk biasa. Allah merakamkan kata-kata seekor semut yang memberi arahan kepada kaumnya: “Wahai semut-semut, masuklah ke dalam sarang-sarangmu agar kamu tidak diinjak oleh Sulaiman dan tentaranya sedangkan mereka tidak menyedari!” Begitu cerdik, begitu teratur, begitu sopan komunikasinya! Bahkan Nabi Sulaiman AS tersenyum mendengar kata-katanya. Di sinilah manusia belajar satu pengajaran penting: jika Nabi tersenyum kepada semut, maka kita janganlah membunuh mereka tanpa sebab.

Dalam sunnah pula, Rasulullah SAW melarang membakar semut atau apa saja makhluk bernyawa dengan api. Baginda juga menegah membunuh semut tanpa sebab yang benar. Maka untuk menghalau mereka dari rumah, pendekatannya mestilah lembut, berhemah, penuh kasih sayang walaupun kadang-kadang kita sendiri rasa macam nak buat mesyuarat tergepar dengan mereka.

Cara pertama mengikut sunnah ialah memohon perlindungan Allah dan membaca doa. Ada ulama menganjurkan membaca Surah al-Fatihah di satu sudut rumah dan menyapu ke tempat laluan semut sambil meminta: “Ya Allah, jauhkanlah makhluk-makhluk ini dari rumahku tanpa mencederakan mereka.” Kedengaran lembut, tapi ia selalu berhasil. Semut, walaupun kecil, tetap makhluk yang faham isyarat. Sopan santun Melayu berjumpa dengan kesantunan sunnah, dua dunia bergabung menenangkan dapur yang huru-hara.

Antara cara yang diajar dalam tradisi ulama hadis juga termasuk menggunakan air putih atau air rendaman daun sirih di laluan semut. Ia tidak membunuh, hanya menyampaikan mesej halus kepada semut: “Rumah ini bukan kawasan perumahan anda. Sila pulang sebelum saya naikkan sewa.” Dan ajaibnya, semut faham. Mereka memang tidak suka bau tertentu, sama seperti manusia tidak suka bau kasut lama. Bila mereka bau sirih atau kapur, mereka angkat barang dan berpindah macam dapat notis daripada tuan rumah.

Ada juga cara yang disebut oleh imam-imam terdahulu: membacakan Surah al-Naml ayat 18, ayat semut yang menasihati kaumnya, kemudian meniup perlahan ke arah tempat semut berkumpul. Ini bukan magis, tetapi simbolik yang kita menghormati makhluk Allah dan memberi “pengumuman rasmi” seperti ketua kampung memberi arahan kepada penduduk. Dengan izin Allah, semut pun beredar.

Satu lagi sunnah yang sering manusia lupa ialah kebersihan. Nabi Muhammad SAW sendiri seorang yang cermat dalam menjaga rumah dan makanan. Semut datang bukan sebab dengki, tetapi sebab kita tertumpah gula waktu buat teh tarik, atau lupa lap bekas madu, atau ada sisa biskut yang jatuh

macam peluru tabur. Kita marah semut, padahal mereka hanya buat kerja dengan cara mencari rezeki. Kalau dapur kita berkilat, semut pun malas nak buat kenduri di situ. Seperti kata orang tua-tua, “Kalau tiada gula, manalah datangnya semut?” Hikmahnya tajam, tepat, dan kadang-kadang pedih juga untuk didengar.

Tetapi tidak semua semut datang menyerang dapur. Ada yang sesat, ada yang berjalan merata, mungkin saja mereka sedang melakukan ‘survey Kawasan’. Maka sunnah mengajar kita meniup atau menghalau perlahan, bukan menepuk sampai lantai jadi kubur besar-besaran. Semut pun makhluk berkeluarga, mereka ada struktur sosial, ada ketua, ada pekerja, dan mungkin ada semut yang sedang buat internship.

Dalam dunia moden, kita kadang-kadang menggunakan bahan kimia. Tidak salah jika benar-benar perlu, tetapi sunnah menganjurkan supaya mengelakkan pembunuhan melampau. Jika kita mampu pilih cara yang tidak menyakitkan, itu lebih dekat dengan rahmah. Bahkan Ulama menyebut: “Apabila kamu menghalau semut tanpa membunuh, kamu sedang melaksanakan ihsan kepada makhluk Allah.”

Ada satu kisah yang sering disebut, sahabat pernah mengadu kepada Nabi Muhammad SAW tentang semut yang menggigit. Lalu Nabi Muhammad SAW tidak menyuruh membunuh seluruh koloni, tetapi hanya mengarahkan menghapuskan sarang yang mengganggu. Maksudnya bertindak hanya pada kawasan bermasalah, bukan memusnahkan seluruh generasi semut. Bayangkan, jika sunnah diaplikasikan pada manusia moden, mungkin kurangnya ‘kebakaran emosi’ yang tidak perlu.

Ketika semut menyerbu rumah kita, ia sebenarnya membawa dua mesej, satu dari alam, satu dari Sang Pencipta Rabbul Jalil. Alam mengingatkan kita supaya tidak cuai menjaga kebersihan dan makanan. Allah SWT juga mengajar kita bahawa setiap makhluk, sekecil apa pun, berhak kepada belas kasihan. Surah al-Naml menunjukkan bahawa semut juga punya suara. Sunnah pula mengajar bahawa semut juga punya maruah. Lalu kita, manusia moden yang kadang-kadang lebih sensitif daripada semut, perlu belajar adab daripada dua sumber itu.

Akhirnya, seni menghalau semut mengikut sunnah bukan hanya tentang mengusir makhluk kecil ini, tetapi tentang menghaluskan hati. Jika kita boleh berlembut dengan semut, kita lebih mampu berlembut dengan manusia. Jika kita boleh menghormati makhluk sekecil itu, kita pasti mampu memperbaiki hubungan sesama kita. Dunia ini penuh kepayahan, tetapi penuh juga kelembutan maka sunnah mengajak kita memilih yang lembut terlebih dahulu.

Namun begitu jika semut tetap berdegil, datang pula satu batalion baharu walaupun kita sudah beri notis pindah? Senyumlah seperti Nabi Sulaiman AS. Kadang-kadang semut hanya mahu menguji sabar kita. Lagipun, mana tahu? Mungkin mereka cuma nak tumpang rumah sekejap sebab rumah mereka banjir. Maklumlah, musim hujan. Semut pun ada masalah hidup juga.



Oleh: **Mohammad Baihaqi Hasni**

E-mel: baihaqi@umpsa.edu.my

Penulis adalah Guru Bahasa Kanan, Pusat Bahasa Moden (PBM), Universiti Malaysia Pahang AI-Sultan Abdullah (UMPSA).

Rencana ini merupakan pandangan peribadi penulis dan tidak menggambarkan pendirian rasmi Universiti Malaysia Pahang AI-Sultan Abdullah (UMPSA).

- 85 views

[View PDF](#)